

Usahawan Jepun dibenarkan tubuh dewan perniagaan

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan telah meluluskan cadangan bagi menubuhkan sebuah Dewan Perniagaan Jepun di negara ini dengan syarat ia dapat bekerjasama dengan usahawan-usahawan tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini, beliau telah memberitahu rakan sejawatnya dari Jepun, Enck Yasuhiro Nakasone bahawa Malaysia tidak membantah cadangan itu asalkan dewan berkenaan tidak terlalu eksklusif.

"Seperti juga usahawan Amerika yang mempunyai Majlis Perniagaan Amerika, usahawan-usahawan Jepun berjumlah 4,000 orang di negara ini turut berminat mempunyai dewan perniagaan mereka sendiri.

"Kita tidak membantah hasrat usahawan Jepun untuk menubuhkan dewan perniagaan mereka sendiri asalkan ia tidak bercorak eksklusif di samping dapat bekerjasama erat dengan usahawan tempatan kita.

"Saya menyampaikan perkara ini dalam run-



● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (tengah) diiringi oleh Timbalannya, Datuk Musa Hitam (kiri) dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah (kanan) mengucapkan selamat jalan kepada beliau sebelum berlepas dari Kuala Lumpur semalam**

dengan Enck Nakasone dan beliau bersetuju tentangnya," jelasnya kepada pemberita sebelum berlepas dari sini bagi lawatan rasmi 10 hari ke Turki, Yugoslavia dan Romania.

Cadangan mengenai penubuhan dewan berke-

naan telah ditimbulkan oleh delegasi Jepun dalam rundingan antara Enck Nakasone dengan Datuk Seri Dr Mahathir di sini semalam.

Jelas Perdana Menteri, adalah wajar bagi usahawan Jepun mempunyai dewan perniagaan mereka sendiri kerana mere-

ka mempunyai 100 buah dewan seumpama itu di negara-negara lain.

Mengetahui lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir berharap beliau dapat mengadakan hubungan lebih erat dengan negara-negara Eropah Timur terutamanya di bidang ekonomi dan perda-

gan.

Menurutnya, cara yang paling baik untuk mewujudkan hubungan itu ialah melalui lawatan seperti itu.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri akan menandatangani satu perjanjian perkhidmatan udara bagi Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) dengan syarikat penerbangan Turki.

Malaysia juga berharap dapat mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama dalam pembelian kapal dan tenaga dengan Yugoslavia serta minyak dan industri berat dengan Romania.

Perdana Menteri juga dijangka berunding mengenai isu Kampuchea dengan pemimpin-pemimpin Romania.

Romania menyokong penuh pendirian Asean mengenai isu itu khususnya menentang pengunduran tanpa syarat tentera Vietnam dari Kampuchea.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5777
No. Pelesenan 94/786